

LAPORAN PENYELIDIKAN

KOD 84/98

REGULASI PERBANKAN LUAR PESISIR DI LABUAN : SATU SOROTAN

AWAL

(Offshore Banking Regulation in Labuan : An Early Review)

OLEH :

IDA SHAFINAZ BT. MOHAMED KAMIL

Sekolah Perniagaan & Ekonomi

Universiti Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**REGULASI PERBANKAN LUAR PESISIR DI LABUAN :
SATU SOROTAN AWAL**

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	ii
I	SINOPSIS	2
II	PENDAHULUAN	4
III	PERMASALAHAN KAJIAN	5
IV	OBJEKTIF KAJIAN	6
V	METODOLOGI	7
VI	LATAR BELAKANG KAJIAN	8
VII	PERBINCANGAN	9
VIII	RUMUSAN DAN CADANGAN	35
IX	BIBLIOGRAFI	38
X	LAMPIRAN	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Penyelidikan dan Pembangunan Universiti Malaysia Sabah, terutamanya kepada Y. Bhg. Prof. Dr. Kamaruzzaman Ampon, Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Pembangunan dan juga saudara Darwis Awang kerana memberi peluang dan galakan kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga, saya tujukan kepada Y. Berusaha Prof. Madya Dr. Syed Azizi Wafa, Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, yang telah memberi galakan, bimbingan serta nasihat kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Jennifer Chan, Timbalan Dekan Penyelidikan dan juga rakan-rakan seperjuangan di atas sokongan dan galakan yang diberi.

Ida Shafinaz Mohd Kamil

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Universiti Malaysia Sabah

Oktober 2001



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB I: SINOPSIS

Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (atau dikenali sebagai Labuan IOFC) merupakan satu pusat integrasi luar pesisir yang memperuntukkan pelbagai rangkaian produk-produk kewangan luar pesisir. Skop perkhidmatan dan produk kewanganluar pesisir yang ditawarkan oleh Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan termasuklah perbankan luar pesisir, perbankan pelaburan luar pesisir, insuran luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berkaitan insuran, pengurusan dana dan lain-lain lagi. Operasi perniagaan luar pesisir di Labuan ini dikawal oleh satu set legislasi luar pesisir yang terpisah dan bebas daripada undang-undang yang mengawal aktiviti kewangan dalam pasaran tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti skop pemakaian dan keberkesanan peruntukan undang-undang luar pesisir yang mengawal operasi perbankan luar pesisir di Labuan. Kajian ini dijalankan dengan membuat penelitian terhadap peruntukan undang-undang berkaitan perbankan luar pesisir menerusi akta utama iaitu Akta Bank Luar Pesisir 1990 (Akta 443) serta akta-akta lain seperti Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990 (Akta 444) dan lain-lain lagi. Adalah diharapkan agar hasil kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak berkuasa dan penggubal polisi untuk membuat sebarang ubahsuaian yang berkaitan.



SYNOPSIS

Labuan International Offshore Financial Centre (known as Labuan IOFC) is an integrated offshore centre which provides a wide range of offshore financial products. The wide scope of offshore financial services and products offered by Labuan IOFC to customers worldwide includes offshore banking, offshore investments banking, offshore insurance and insurance related activities, fund management, and etc. The operations of offshore business in Labuan are governed by a separate set of offshore legislation, which is virtually independent of laws governing financial activities in the domestic market. The study aims to determine the scope of application and effectiveness of the relevant offshore laws governing the offshore banking operations in Labuan. The study is carried out by looking at the relevant legal provisions relating to offshore banking such as the Offshore Banking Act 1990, the Offshore Companies Act 1990, the Offshore Insurance Act 1990 and etc. It is hoped that the findings from this study will be useful for the policymakers in addressing any changes needed.



BAB II: PENDAHULUAN

Kajian ini merupakan satu kajian awal berkenaan dengan regulasi perbankan luar pesisir di Labuan. Kajian ini dijalankan dengan membuat penelitian terhadap peruntukan undang-undang berkaitan perbankan luar pesisir menerusi akta utama iaitu Akta Bank Luar Pesisir 1990 (Akta 443) serta akta-akta lain seperti Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990 (Akta 444) dan lain-lain lagi. Kajian ini lebih memfokuskan kepada Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (atau dikenali sebagai Labuan IOFC), merupakan satu pusat integrasi luar pesisir yang memperuntukkan pelbagai rangkaian produk-produk kewangan luar pesisir. Skop perkhidmatan dan produk kewangan luar pesisir yang ditawarkan oleh Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan termasuklah perbankan luar pesisir, perbankan pelaburan luar pesisir, insuran luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berkaitan insuran, pengurusan dana dan lain-lain lagi.

Operasi perniagaan luar pesisir di Labuan ini dikawal oleh satu set legislasi luar pesisir yang terpisah dan bebas daripada



undang-undang yang mengawal aktiviti kewangan dalam pasaran tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti skop pemakaian dan keberkesanan peruntukan undang-undang luar pesisir yang mengawal operasi perbankan luar pesisir di Labuan.

BAB III: PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peruntukan undang-undang luar pesisir berkaitan yang mengawal operasi perbankan luar pesisir di Labuan. Antara permasalahan kajian adalah:

1. Bagaimana bank-bank luar pesisir di Labuan dikawal dan diselia operasinya oleh pihak berkuasa yang berkenaan berdasarkan peruntukan undang-undang perbankan luar pesisir yang sedia ada?
2. Sejauhmanakah kawalan dan seliaan ke atas bank-bank luar pesisir ini memperuntukkan kawalan dan seliaan yang efektif dan komprehensif?



BAB IV : OBJEKTIF KAJIAN

BAB V : KASDAH/METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji skop pemakaian dan keberkesanan undang-undang perbankan luar pesisir di Labuan. Ia juga bertujuan untuk meninjau bagaimana bank-bank luar pesisir di Labuan dikawal dan diselia operasinya oleh pihak berkuasa yang berkenaan berdasarkan peruntukan undang-undang perbankan luar pesisir yang sedia ada. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmanakah kawalan dan seliaan ke atas bank-bank luar pesisir ini memperuntukkan kawalan dan seliaan yang efektif dan komprehensif.

Antara akta-akta yang berkaitan termasuklah akta utama berkaitan perbankan luar pesisir iaitu Akta Bank Luar Pesisir 1990 (Akta 443), Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990 (Akta 444), Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (Akta 445), Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990, Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta 545), dan Kaedah-Kaedah Perbankan Luar Pesisir (Fee Lesen Tahunan) 1990, serta Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.



BAB V : KAEADAH/METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian awal bagi kajian yang lebih mendalam tentang sistem perundangan perbankan luar pesisir di Labuan.

Kong, Singapura, Manila, Brunei dan juga Bangkok. Ia juga terletak tidak begitu

Kajian dijalankan dengan membuat rujukan ke atas peruntukan akta-akta berkaitan terutama Akta Bank Luar Pesisir 1990 (Akta 443) serta akta-akta lain seperti Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990 (Akta 444), Akta Syarikat Amahah Labuan 1990, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (Akta 445), Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990, Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta 545), dan Kaedah-Kaedah Perbankan Luar Pesisir (Fee Lesen Tahunan) 1990, dan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

Labuan telah dilancarkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Anjungan (IDFC) pada 1 Oktober 1990. Pelancarannya adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang kerajaan Malaysia untuk mempertingkatkan daya tahan Malaysia sebagai sebuah kewangan.



BAB VI : LATAR BELAKANG KAJIAN

Wilayah Persekutuan Labuan atau Labuan terletak kira-kira 3 hingga 4 jam daripada kebanyakan ibu negara dalam rantau ini seperti Jakarta, Hong Kong, Singapura, Manila, Brunei dan juga Bangkok. Ia juga terletak tidak begitu jauh daripada Seoul, Tokyo dan Taipei. Jika pelabur-pelabur di Asia berhasrat untuk melawat Labuan, mereka boleh menaiki kapal terbang masuk dan keluar daripada Labuan pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada keesokan harinya.

Labuan terdiri daripada satu pulau utama dan 6 buah lagi pulau-pulau yang lebih kecil meliputi kawasan seluas 92 kilometer persegi. Ia terletak di luar kawasan pantai Sabah, Malaysia dan Brunei.

Labuan telah dilancarkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada 1 Oktober 1990. Pelancarannya adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang kerajaan Malaysia untuk mempertingkatkan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan.



kewangan luar pesisir yang ditawarkan oleh pusat kewangan luar pesisir Labuan

BAB VII : PERBINCANGAN

luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan perbankan, insuran

dan aktiviti-aktiviti lain-lain.

Labuan telah dilancarkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada 1 Oktober 1990. Pelancarannya adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang kerajaan Malaysia untuk mempertingkatkan daya tarikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa.

IOFC Labuan telah dilancarkan dengan objektif untuk melengkapkan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan serantau, mengukuhkan sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menggalakkan pembangunan ekonomi Labuan serta kawasan-kawasan di sekitarnya.

Kini terdapat banyak pusat kewangan luarpesisir di dunia tetapi kebanyakannya terletak di Eropah dan Caribbean. IOFC Labuan sebaliknya, adalah sebuah pusat kewangan luar pesisir bersepadu yang menawarkan pelbagai jenis produk luar pesisir yang disediakan kepada pelanggan seluruh dunia terutamanya di Asia.

La merupakan satu pusat integrasi pesisir yang memperuntukkan pelbagai rangkaian produk-produk kewangan luar pesisir. Skop perkhidmatan dan produk



kewangan luar pesisir yang ditawarkan oleh pusat kewangan luar pesisir Labuan termasuklah perbankan luar pesisir, perbankan pelaburan luar pesisir, insuran luar pesisir dan aktitivi-aktiviti berkaitan insuran, pengurusan dana dan lain-lain lagi.

LEMBU Labuan menawarkan pelbagai kelebihan dalam operasi perniagaan luar pesisir yang telah menarik institusi-institusi antarabangsa menujuhkan perniagaan. Kelebihan-kelebihan ini termasuklah skim percukaian yang kompetitif, kestabilan politik, kos operasi perniagaan yang rendah dan laluan keluar masuk yang mudah. Tambahan pula, Labuan mempunyai zon masa yang sama dengan kebanyakan bandaraya utama yang dapat mempermudahkan operasi perniagaan dijalankan di Labuan. *Pesisir Labuan 1996 di bawah seksyen 3 akta tersebut ia telah mendapat operasinya pada 1 Mac 1996. Kesemua operasi perniagaan luar pesisir di Labuan ini dikawal oleh satu set legislasi luar pesisir yang tepisah dan bebas daripada undang-undang yang mengawal aktiviti kewangan dalam pasaran tempatan. Set legislasi luar pesisir yang telah digubal untuk tujuan ini adalah Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990. Selain itu Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 juga telah digubal dan dikuatkuasakan yang memberi kuasa kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Pesisir Labuan(Labuan*

Financial Services Authority atau LOFSA) satu bidangkuasa yang luas untuk menjalankan pengawalan dan penyeliaan kepada aktiviti-aktiviti luar pesisir terutamanya aktiviti-aktiviti perbankan luar pesisir di Labuan.

Menjukan dan membangunkan Labuan sebagai pusat bagi perkhidmatan kewangan luar pesisir dan

LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (LOFSA)

Pembangunan Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan (IOFC Labuan) diterajui oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) di mana semua organisasi yang beroperasi di Labuan termasuk bank-bank luar pesisir adalah dikawalselia oleh LOFSA. LOFSA telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 di bawah seksyen 3 akta tersebut. Ia telah memulakan operasinya pada 1 Mac 1996. Kesan daripada seksyen ini adalah ia merupakan satu pertubuhan perbadanan yang boleh mendakwa dan didakwa, boleh membuat kontrak serta mempunyai harta atas namanya sendiri.

LOFSA bertindak sebagai agensi pusat bagi menyelaras dan merasionalisasikan jentera pentadbiran kerajaan dalam mengawalselia aktiviti-aktiviti dan operasi industri kewangan luar pesisir di Labuan.

Objektif LOFSA seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dalam seksyen 3(2) terdiri daripada dua objektif utama iaitu:-

1. Memajukan dan membangunkan labuan sebagai pusat bagi perkhidmatan kewangan luar pesisir;¹ dan
2. Memajukan objektif, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan dan pentadbiran yang teratur kepada perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan dan membuat syor-syor kepada Menteri.²

FUNGSI DAN KUASA LOFSA

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau LOFSA telah melaksanakan fungsi-fungsinya mengikut seksyen 4 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 seperti yang berikut bagi memastikan objektif-objektifnya tercapai, iaitu:-

Fungsi yang pertama adalah untuk mentadbir, menguatkuasa, dan menjalankan peruntukan Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Insuran Luar Pesisir 1990, dan

¹ Seksyen 3(2)(a) Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996

² Seksyen 3(2)(b), ibid

akta-akta lain yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan dan perbankan luar pesisir di Labuan.³

Fungsi yang kedua adalah untuk menjalankan, melepaskan dan melaksanakan kuasa-kuasa, kewajipan dan fungsi yang diperuntukkan di bawah undang-undang seperti yang dinyatakan di atas.⁴

Fungsi ketiga adalah untuk memastikan transaksi kewangan luar pesisir dijalankan dalam perkhidmatan kewangan dan norma-normanya dengan kelakuan yang baik mengikut undang-undang. Ini bertujuan untuk menjaga nama baik Labuan sebagai pusat perkhidmatan kewangan luar pesisir yang dipecayai.⁵

Fungsi yang keempat adalah untuk menjalankan penyelidikan dan membuat kajian bagi meningkatkan perkhidmatan dan produk-produk kewangan luar pesisir.⁶

Fungsi yang seterusnya adalah untuk memberi cadangan-cadangan bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan yang mampu meningkatkan daya tarikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir (IOFC).⁷

³ Seksyen 4(1)(a), ibid

⁴ Seksyen 4(1)(b), ibid

perniagaan yang mahu beroperasi di Malaysia, di mana mereka perlu mendapatkan

Fungsi yang keenam adalah untuk mengadakan kerjasama dengan institusi-institusi kewangan luar pesisir, persatuan profesional dan industri di Labuan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan kewangan luar pesisir.⁸

kepada peruntukan dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta

Fungsi yang terakhir adalah untuk memberi nasihat kepada Menteri Kewangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan luar pesisir.⁹

perniagaan luar pesisir telah diperluaskan lagi bagi meliputi perkhidmatan kewangan yang boleh dilakukan oleh bank luar pesisir selain daripada hanya

**PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR DI LABUAN DI
BAWAH AKTA BANK LUAR PESISIR 1990**

Akta Bank Luar Pesisir 1990 memperuntukkan peruntukan undang-undang berkaitan aktiviti-aktiviti perbankan luar pesisir dan perbankan pelaburan di Labuan. Bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang berhasrat untuk beroperasi sebagai bank luar pesisir di Labuan adalah dikehendaki untuk mendapatkan lesen daripada Menteri Kewangan melalui Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA). Ini berbeza bagi bank-bank bukan luar

⁸ Seksyen 4(1)(c) ibid

⁹ Seksyen 4(1)(d), ibid

⁷ Seksyen 4(1)(e), ibid

⁸ Seksyen 4(1)(f), ibid

⁹ Seksyen 4(1)(g), ibid

pesisir yang mahu beroperasi di Malaysia, di mana mereka perlu mendapatkan lesen daripada Menteri Kewangan melalui Bank Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Ini adalah kerana bank-bank luar pesisir di Labuan adalah dikecualikan daripada tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983. Jadi pula, "bank luar pesisir" adalah mana-mana bank di luar negara yang tidak mendapat tinggal. Sebagai contoh, mana-mana bank di Amerika Syarikat.

Dalam pindaan Akta Perbankan Luar Pesisir pada tahun 1996, definisi 'perniagaan luar pesisir' telah diperluaskan lagi bagi meliputi perkhidmatan kewangan yang boleh dijalankan oleh bank luar pesisir selain daripada hanya memberikan kemudahan kredit dan menerima deposit.

DEFINISI 'BANK LUAR PESISIR' DAN 'PERBANKAN LUAR PESISIR'

Menurut Akta Perbankan Luar Pesisir 1996, ¹⁰ istilah "bank luar pesisir" (offshore banking) mempunyai

dua definisi yang berbeza iaitu dari segi mekanikal dan fungsi. Dari definisi mekanikal, bank luar pesisir adalah bank yang diberi lesen untuk menjalankan perniagaan bank luar pesisir hanya di luar bidang kuasa perundangan di mana lesen dikeluarkan. Ini bermakna, bank yang memegang lesen luar pesisir terlibat dalam kebanyakan, sebahagian, atau kesemua aktiviti (termasuk tetapi tidak

terhad kepada urusniaga cek, penyimpanan, pinjaman dan sebagainya) yang biasa dijalankan oleh mana-mana bank lain tetapi bank tersebut tidak boleh menawarkan atau menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini kepada pemasautin perundangan (kawasan) yang mana lesen dikeluarkan.

Secara fungsi pula, "bank luar pesisir" adalah mana-mana bank di luar negara yang mana pendeposit tinggal. Sebagai contoh, mana-mana bank di luar Amerika Syarikat adalah bank luar pesisir bagi penduduk Amerika Syarikat.

persetujuan Menteri Kewangan

Implikasi yang boleh diberikan mengenai aktiviti perniagaan luar pesisir ialah perniagaan yang tidak tertakluk di bawah undang-undang negara itu atau dalam kata lain perniagaan '*on shore*'.

Bank-bank luar pesisir di Labuan adalah tertakluk di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990. Di bawah Akta ini, berdasarkan seksyen 2, "bank luar pesisir" ditakrifkan sebagai 'seseorang yang menjalankan perniagaan perbankan luar pesisir atau perniagaan perbankan pelaburan luar pesisir.'

Kewangan Malaysia melalui Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).

¹⁰ J.F. (Jim) Straw. Offshore Banking Is Not Evil. http://www.new_utopia.com/offshore.html)

Dalam seksyen 2 yang sama, "perbankan luar pesisir" pula telah ditakrifkan sebagai bermaksud 'perniagaan yang menerima deposit diatas akaun semasa, akaun simpanan, akaun deposit, atau mana-mana akaun yang boleh ditentukan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), dan memperuntukkan kemudahan kredit; perniagaan perbankan pelaburan luar pesisir; perniagaan perbankan Islam, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh LOFSA; perkhidmatan kredit, perniagaan-perniagaan lain seperti yang dientukan oleh LOFSA dengan persetujuan Menteri Kewangan.'

1. PERLESENAN BANK LUAR PESISIR

Akta Bank Luar Pesisir 1990 memperuntukkan aktiviti-aktiviti perbankan luar pesisir dan perbankan pelaburan luar pesisir. Bank atau institusi kewangan yang berhasrat untuk beroperasi sebagai bank luar pesisir dan bank pelaburan luar pesisir di Labuan adalah dikehendaki mendapatkan lesen daripada Menteri Kewangan Malaysia melalui Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA).

Menurut seksyen 4 Akta Bank Luar Pesisir 1990, tiada siapa yang boleh meneruskan perniagaan bank luar pesisir kecuali ia adalah sebuah syarikat luar pesisir atau sebuah syarikat luar pesisir asing, ditubuhkan atau didaftarkan dengan tujuan khusus dan ekslusif untuk menjalankan perniagaan perbankan luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan¹¹; atau ia adalah sebuah bank Malaysia; dan memegang lesen untuk menjalankan perniagaan seperti itu¹².

Seksyen 5(1) Akta yang sama menyatakan bahawa sebarang syarikat luar pesisir Seksyen ini diadakan sebagai satu garis panduan kepada pihak-pihak yang berminat untuk menjalankan operasi perniagaan luar pesisir supaya mendapatkan lesen dahulu, sekaligus mempastikan bahawa tiada pihak yang menjalankan operasi perniagaan luar pesisir di Labuan dengan sewenang-wenangnya tanpa mendapatkan lesen tersebut. Dengan penguatkuasaan seksyen ini, pihak-pihak yang berminat akan peka dengan ketegasan LOFSA dalam meluluskan lesen.

Menurut seksyen 5(1) pula, sesiapa yang berminat untuk menjalankan perniagaan luar pesisir boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri Kewangan dengan menyerahkan borang permohonan tersebut melalui LOFSA.

¹¹ Seksyen 4(a) Akta Perbankan Luar Pesisir 1990.

¹² Seksyen 4(b), ibid.

Di bawah seksyen 5(2) Akta yang sama, permohonan bagi lesen tersebut harus dibuat oleh sebuah syarikat luar pesisir atau sebuah syarikat luar pesisir asing, ditubuhkan atau didaftarkan dengan tujuan khusus dan ekslusif untuk menjalankan perniagaan perbankan luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan; atau ia adalah sebuah bank Malaysia.

Seksyen 5(3) Akta yang sama menyatakan penubuhan syarikat luar pesisir haruslah dibuat di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Bagi syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing yang membuat permohonan, ia perlu menyatakan objek yang syarikatnya akan jalankan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan.¹³ Syarikat luar pesisir asing perlu menyertakan satu salinan penyata imbangan kewangan bagi tiga tahun yang terdahulu, manakala jika pemohon merupakan sebuah syarikat subsidiari, maka ia perlu menyertakan penyata imbangan daripada ahli-ahli syarikat yang memegang sepuluh peratus ataupun lebih daripada modal dalam syarikat pemohon.¹⁴

Pemohon juga perlu memasukkan nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon, perniagaan utama dan nama serta alamat pengarah-pengarah pemohon dan ahli-ahli yang memegang sepuluh peratus ataupun lebih daripada

¹³ Seksyen 5(2)(bb)(i) dan (ii), ibid.

¹⁴ Seksyen 5(2)(cc)(i), (ii) dan (iii), ibid.

modal dalam syarikat pemohon.¹⁵ Selain itu, dokumen-dokumen yang perlu diserahkan adalah dokumen-dokumen penubuhan (*constituent documents*), kunci kira-kira beraudit, dan jaminan dan/atau tanggungan. Bagi memastikan kebenaran maklumat-maklumat yang diberi, ia perlu mempunyai seorang penjamin bagi membuktikan bahawa pemohon merupakan seorang yang boleh dipercayai.¹⁶

Menurut seksyen 6(1) Akta Bank Luar Pesisir 1990, selegas pihak LOFSA

'Dokumen-dokumen penubuhan' menurut takrifan dalam seksyen 2 Akta yang sama adalah statut, piagam, memorandum persatuan dan artikel persatuan, kaedah-kaédah, undang-undang kecil (*by-laws*), perjanjian perkongsian, atau lain-lain instrumen yang mana menurutnya pemohon atau bank luar pesisir berlesen tersebut ditubuhkan, dan struktur pengawalan dan pentadbiran dan skop fungsi, perniagaan, kuasa dan kewajipannya diperuntukkan sama ada dalam satu dokumen atau lebih.

Lesan tersebut mempunyai nombor cendekiaan dan peraturan di atasnya

Selain perkara yang dinyatakan di atas, pemohon juga mestilah mempunyai kriteria minima seperti berikut, iaitu mestilah merupakan sebuah bank atau institusi kewangan; memiliki rekod lepas yang kukuh; kadar kredit yang baik selaras dengan agensi kadar penerimaan; mengarah dengan cekap

¹⁵ Seksyen 5(2)(dd)(i), (ii) dan (iii) ibid.

¹⁶ Seksyen 5(2)(ee), ibid.

Permohonan yang memohon lesen tersebut diwujudkan mengikut nama kuasa perundangan; dan mengikut piawai yang diterima umum oleh perlaksanaan perbankan antarabangsa.

perpan kenyataan, ketiga-tiga perkara tersebut juga perlu dicantik di bahagian

atas permohonan lesen dan dokumen-dokumen pernegeraan

Kelulusan Dan Penolakan Permohonan Lesen

Menurut seksyen 6(1) Akta Bank Luar Pesisir 1990, selepas pihak LOFSA menerima permohonan pemohon berdasarkan perkara-perkara yang dikehendaki menurut seksyen 5 Akta yang sama, maka LOFSA akan membuat pertimbangan dan membuat saranan kepada Menteri Kewangan untuk meluluskan atau sebaliknya permohonan lesen kepada pemohon. Sekiranya saranan oleh pihak LOFSA diterima, maka Menteri akan mengeluarkan lesen kepada pemohon.

Perstakan lesen ini berkuatkuasa sejak sahaja Menteri Kewangan

Lesen tersebut mempunyai nombor pendaftaran dan berbeza di antara satu sama lain.¹⁷ Seperti juga lesen yang biasa, ia tidak boleh dipindahmilik kepada orang lain.¹⁸ Menurut seksyen 6(7), lesen ini memberi kuasa kepada pemohon untuk menjalankan operasi perbankan luar pesisir sehinggalesen ini dikembalikan atau ditarikbalik.

¹⁷ Seksyen 6(3), ibid.

¹⁸ Seksyen 6(6), ibid.

Pemohon yang memiliki lesen tersebut diwajibkan mencetak nama, nombor lesen dan menggunakan frasa "Bank Luar Pesisir Berlesen" di papan kenyataan dan diletakkan di luar pejabat agar mudah dikenalpasti.¹⁹ Selain papan kenyataan, ketiga-tiga perkara tersebut juga perlu dicetak di bahagian atas borang bercetak, surat, notis dan dokumen-dokumen perniagaan pemohon.²⁰ Sesiapa yang tidak mempunyai lesen tersebut adalah dilarang daripada menggunakan frasa tersebut dalam mana-mana bahagian bercetak dalam perniagaannya.²¹ *Penaltian akan ditentukan*²²

Menteri Kewangan boleh membatalkan lesen seseorang pemohon selepas mendengar pendapat dari pihak LOFSA jika didapati bahawa pihak pemohon telah menyalahi seksyen perlesenan dalam Akta Bank Luar Pesisir 1990 ini dan jika pihak LOFSA mendapati bahawa maklumat-maklumat yang diberi oleh pemohon adalah palsu dan silap semata-mata untuk memiliki lesen tersebut.²³ Pembatalan lesen ini berkuatkuasa sebaik sahaja Menteri Kewangan mula mengkomunikasikan pembatalan tersebut kepada pihak pemohon.²⁴

Sesiah mendapat keputusan untuk menyerahkan kembali lesen daripada LOFSA, maka persesi yang diajukan akan dibersentikkan dengan serta-merta

¹⁹ Seksyen 7(1), ibid.

²⁰ Seksyen 7(2), ibid. *Kewangan memberi kuasa kepada pihak tersebut untuk*

²¹ Seksyen 7(3), ibid.

²² Seksyen 8(1)(a) dan (b), ibid.

²³ Seksyen 8(2), ibid.

menjalankan gerbangannya untuk satu temoch yang ditetapkan selepas Penyerahan Lesen

dan dapat dilihat berdasarkan LOFSA.

Menurut seksyen 9(2) Akta Bank Luar Pesisir 1990, pihak bank luar pesisir yang berhasrat untuk menyerahkan lesennya kembali perlulah mendapat persetujuan LOFSA terlebih dahulu. Kelulusan penyerahan lesen akan dibenarkan selepas LOFSA berpuas hati dan membuat siasatan ke atas tanggungan dan tarikh penyerahan akan ditentukan.²⁴

Sekiranya pihak bank luar pesisir berjaya mendapat keulusan untuk menyerahkan lesennya, maka ia perlu mengiklankan penyerahan lesennya dalam sekurang-kurangnya satu akhbar tempatan dan satu akhbar kewangan antarabangsa.²⁵ Namun begitu, kegagalan untuk mengiklankannya tidak akan memberi kesan kepada penyerahan lesen tersebut.²⁶

Penamatan Operasi Bank Luar Pesisir

Setelah mendapat kelulusan untuk menyerahkan kembali lesen daripada LOFSA, maka operasi yang dijalankan akan diberhentikan dengan serta-merta kecuali Menteri Kewangan memberi kuasa kepada pihak tersebut untuk

²⁴ Seksyen 9(3), ibid.

²⁵ Seksyen 9(4), ibid.



menjalankan perniagaannya untuk satu tempoh yang ditetapkan selepas mendapat nasihat daripada LOFSA.²⁷

dan susulan pada masa pernegaraan akan atas kesahan aktiviti atau instrumen baru bank luar pesisir.

Status dan Peraturan Khas Bank Luar Pesisir

Menurut Blum²⁸, status bank luar pesisir adalah berbeza mengikut aktiviti yang dibenarkan oleh negara tuan rumah (*host*). Dalam beberapa buah negara, bank luar pesisir berlesen boleh melakukan kesemua aktiviti perbankan luar pesisir seperti operasi akaun deposit dan akaun semasa, membayar dan mengumpul cek, pinjaman dan mengurus dana pelaburan untuk pemastautin dan bukan pemastautin negara tersebut.

Sekatan negara tuan rumah ke atas aktiviti bank luar pesisir termasuklah sekatan ke atas deposit tetap, simpanan, atau lain-lain deposit dalam matawang tempatan dan/atau menerima deposit daripada pemastautin; simpanan minimum dan lain-lain deposit, dan lain-lain kemudahan kepada pemastautin dalam matawang tempatan.

²⁶ Seksyen 9(5), ibid.

²⁷ Seksyen 10, ibid.

²⁸ Deborah L. Blum, Offshore Banking-Establishment and Operating Issues.

Pihak berkuasa bank juga mempunyai garis panduan tidak formal yang mana diandaikan akan dipatuhi oleh bank-bank luar pesisir seperti pendedahan dan siasatan daripada pemegang lesen atas kesahan aktiviti atau instrumen baru bank luar pesisir.

Kebanyakan negara melaksanakan peraturan yang berbeza yang mana dengan nyata menambahkan kecenderungan pendaftaran bank luar pesisir. Ruang lingkup perniagaan yang dibenarkan oleh status adalah berbeza-beza, tetapi biasanya bank yang diberi lesen boleh menjalankan perkhidmatan perbankan dengan sepenuhnya dengan bukan pemastautin, dan menggunakan matawang asing selain matawang negara tuan rumah.

Di Labuan, bank luar pesisir boleh menerima deposit daripada bukan pemastautin, membenarkan pinjaman matawang asing kepada pemastautin dan bukan pemastautin dan bank-bank pesisir lain, dan menerima deposit mawang asing daripada pemastautin. Larangan dan sekatan yang dikenakan termasuklah membuka sesetengah akaun yang diminta, melanjutkan sesetengah pinjaman yang diminta, menerima 'money at call' atau 'money at short notice', meminjam dana untuk jangka pendek daripada pasaran wang, membeli dan menjual matawang asing berbanding matawang Malaysia dan transaksi swap yang melibatkan matawang Malaysia.